

Headline	UUM taja 10 pelajar Filipina		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	12 Mar 2013	Language	Malay
Circulation	238,082	Readership	833,287
Section	News	Color	Full Color
Page No	L-31	ArticleSize	68 cm ²
AdValue	RM 641	PR Value	RM 1,923



UUM taja 10 pelajar Filipina

KUBANG PASU 11 Mac - Insiden pencerobohan di Lahad Datu oleh pengganas Sulu tidak menghalang Universiti Utara Malaysia (UUM) menaja 10 pelajar dari wilayah autonomi Mindanao, Filipina bagi mengikuti program Ijazah Sarjana Muda dan Pasca Siswazah di universiti itu bermula tahun ini.

Naib Canselornya, Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustafa Ishak berkata, penceroboh Sulu tidak mewakili sebahagian besar masyarakat Filipina yang cintakan keamanan dan mahu bersahabat dengan negara ini.

“Apa yang berlaku di Sabah tidak memberikan kesan kepada hubungan Malaysia dengan Filipina, jadi UUM memberikan peluang kepada 10 pelajar cemerlang dari Mindanao mengikuti pendidikan di negara ini supaya mereka dapat membangunkan wilayah tersebut,” katanya kepada pemberita di UUM di sini hari ini.